

PERIBAHASA PERPADUAN

Standard Pembelajaran

4.2.1 Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama dengan betul mengikut konteks.

Suai padankan peribahasa berikut dengan maksud yang telah diberikan.

bersatu teguh, bercerai roboh

telur sesangkak, pecah satu pecah semua

seikat bagai sirih, serumpun bagai serai

sebagai minyak dengan air

bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat

kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah

sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk

duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

(a)

Maksud: orang yang sama sedarjat, setaraf

(b)

Maksud: orang yang bermusuhan atau tidak sehaluan mustahil dapat dicampurkan jadi satu



(c)

Maksud: orang yang bermuafakat benar; seia sekata

(d)

Maksud: sama-sama ikut bertanggungjawab, susah senang dirasakan bersama

(e)

Maksud: bersatu hati

(f)

Maksud: sepakat tercapai dalam mesyuarat

(g)

Maksud: persefahaman dalam sesebuah masyarakat dapat membuahkan kejayaan manakala perbalahan menyebabkan perpecahan

(h)

Maksud: kekuatan sebuah kerajaan kerana orang besar-besarnya, kekuatan orang besar-besar kerana rakyatnya yang bersatu padu

Madah pujangga

"Manusia yang lemah sekalipun jika bersatu padu akan dapat menggoncangkan dunia. Demikianlah kesannya perpaduan." - Tun Dr Mahathir Mohamad

Bahasa berirama

Hiduplah kita dalam muhibah. Selisih faham jangan dibiar berbanah, kelak ditimpa musibah. Sama ke bukit, sama ke lembah. Muafakat selalu biar jadi gagah.